

24 MAR 1996

Mahathir - Mahkamah

PEMBANGKANG GUNA MAHKAMAH DAN PARLIMEN UNTUK KEPENTINGAN POLITIK

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan parti-parti pembangkang membawa sesuatu kes ke mahkamah atau membawa usul ke Parlimen lebih banyak bermotifkan politik daripada tujuan mencari keadilan.

Sambil menyifatkan tindakan itu sudah menjadi satu penyakit di kalangan parti-parti pembangkang, Perdana Menteri berkata mereka sentiasa menunggu peluang untuk mendapatkan keuntungan politik apabila timbul sesuatu isu di negara ini.

"Sebab itu kita dengar nak white paper (kertas putih) berkenaan Perwaja, nak ada dialog berkenaan itu ini, tujuannya satu sahaja, politik," katanya ketika ditanya pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Poland, Dr Wlodzimierz Cimoszewicz.

Semalam, Peguam Negara Datuk Mohtar Abdullah mengingatkan pihak mahkamah supaya memastikan mereka tidak menjadi alat atau forum kepada niat yang terselindung pihak yang mengendalikan perbicaraan di hadapan mereka.

Katanya, pengamal undang-undang yang mempunyai kepentingan politik haruslah ditegah dan tidak dibenarkan menjadikan mahkamah sebagai batu loncatan dalam mendapatkan publisiti politik mereka.

Kenyataannya itu merupakan susulan kepada ucapan Perdana Menteri ketika merasmikan Persidangan Tahunan Majlis Hakim-hakim di Kuching, Sarawak baru-baru ini yang mengingatkan Badan Kehakiman supaya mahkamah tidak digunakan oleh ahli-ahli korporat bagi mencapai kepentingan mereka sendiri.

Ketika ditanya pemberita hari ini mengenai penggunaan mahkamah oleh ahli-ahli politik pula, Dr Mahathir berkata Umno sudahpun mengambil langkah menegah anggotanya daripada menggunakan mahkamah untuk menyelesaikan masalah parti.

"Kalau tidak mahkamah tidak ada kerja lain melainkan membicarakan pertikaian antara orang itu dengan orang ini, kononnya pemilihan tak kena. Ini urusan politik tidak boleh dibawa ke mahkamah," katanya.

Beliau berkata dalam usaha kerajaan memajukan negara, parti-parti pembangkang pula sentiasa mencari isu yang boleh digunakan untuk kepentingan politik mereka.

"Dan mahkamah bagi mereka adalah alat untuk membawa benda yang tidak senonoh," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata keputusan Perhimpunan Agung Umno tahun lalu untuk tidak mempertandingkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti dalam pemilihan Oktober ini juga telah dibawa ke mahkamah oleh orang yang tiada kena mengena langsung dengan Umno.

"Tetapi inilah cara mereka yang tidak ada isu yang nak digunakan, mereka gunakan mahkamah," katanya.

Selain mahkamah, parti-parti pembangkang juga, katanya, sering menyalahgunakan Parlimen dengan cuba membawa usul setiap kali timbul isu-isu yang difikirkan boleh menguntungkan mereka.

Katanya, memang benar kerajaan tidak boleh menghalang mereka daripada membawa sesuatu usul ke Parlimen tetapi ia hendaklah dibuat mengikut peraturan.

"Kadang-kadang mereka datang buat ucapan, lepas itu keluar dan tinggalkan Dewan Rakyat, tak dengar apa kita kata. Ini menunjukkan mereka menggunakan Parlimen bukan untuk cari penyelesaian bagi kebaikan negara tetapi semata-mata untuk politik," katanya. -- BERNAMA

AH AKD